

# Jauhkan diri dari fitnah

UM - 6 FEB 1982

**K**UALA LUMPUR, 5 Feb. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dan menjauhkan diri dari satu golongan masyarakat Islam yang sedang giat menabur fitnah terhadap segala usaha kerajaan untuk memajukan rakyat dan membangunkan negara.

Menurut Perdana Menteri, golongan tersebut akan melipatgandakan usaha buruk mereka itu tidak lama lagi kerana mereka menjangka pilihanraya umum akan diadakan

— OLEH: —  
**KHALID MOHD**

Perdana Menteri berkata, walaupun golongan itu memburukkan segala usaha kerajaan, mereka tidak segan-segan pula mengecap nikmat hasil dari usaha-usaha pembangunan kerajaan.

"Orang yang seperti ini adalah sampah masyarakat. Merekalah yang memburukkan nasib masyarakat. Merekalah yang menghalang kemajuan," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, bila kerajaan melaksanakan sistem metrik, golongan tersebut mengecamnya kerana mensifatkan langkah itu bertujuan memudahkan orang Cina menipu orang Islam.

beras turun harga patutlah.

"Mereka ini jugalah yang dahulu bertanya buat jalan di kampung bukan boleh makan, sambil menunggang Honda mereka di jalan kampung," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau menambah, golongan ini tidak jemu mengeluarkan pendapat mereka yang tidak mendatangkan faedah dan setiap hari tidak ada lain yang difikirkan tetapi mencari bahan untuk memfitnahkan kerajaan.

"Bahawa agama Islam

lebih awal.

"Pilihanraya adalah tanah subur bagi cendawan seperti ini untuk membiakkan fitnah mereka," katanya.

Walaupun tidak disebutkan secara terus terang, Utusan Malaysia difahamkan bahawa golongan yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri terdiri dari ahli-ahli sebuah parti politik.

Berucap merasmikan seminar pelaksanaan projek-projek pembangunan RISDA di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mensifatkan golongan tersebut sebagai sampah masyarakat "kerana merekalah yang menghalang kemajuan dan memburukkan nasib masyarakat."

"Saya menarik perhatian kepada golongan sampah masyarakat ini kerana mereka adalah sebahagian dari sebab kita tidak mendapat hasil yang penuh dari segala usaha kita, termasuklah usaha memulihkan kedudukan pekebun kecil yang ditugaskan kepada RISDA," tegasnya.

## Menyakiti hati

Tetapi katanya, golongan itu lupa bahawa sistem metrik adalah sistem yang digunakan di kebanyakan negara Islam, termasuk Arab Saudi di mana umat Islam berkunjung untuk menunaikan ibadat haji.

"Kita boleh bertanya mereka, apakah dengan penggunaan sistem metrik kerajaan negara-negara ini berhajat untuk menipu orang Islam.

"Begitu juga ada di antara orang yang pandai menyakiti hati orang lain ini yang berkata bahawa kerajaanlah yang merancang supaya pendatang haram dari Vietnam datang ke Malaysia dengan tujuan untuk mengurangkan peratusan orang Melayu," katanya.

Perdana Menteri menambah, persamaan waktu antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak pula dituduh sebagai bertujuan mengelirukan orang Islam supaya tidak dapat berbuat ibadat.

"Apabila cukai kamera dihapuskan sebagai satu muslihat untuk memperbaiki ekonomi negara, mereka ini secara sinis berkata, kamera bukan boleh makan. Kalau

menganggap fitnah sebagai lebih bahaya dari membunuh tidak sedikit pun dihiraukan," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, pembangunan di negara ini menekankan aspek kemajuan dari segi rohani dan jasmani dan "adalah tidak tepat sekiranya pihak-pihak tertentu mengatakan bahawa kita terbawa-bawa oleh model pembangunan di Barat yang lebih mementingkan aspek kebendaan."